



12 Jun 2026
12 June 2026
P.U. (A) 220

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN
PENGANGKUTAN AWAM DARAT
(KADAR TAMBANG BAGI PERKHIDMATAN
BAS EKSPRES) 2026

*LAND PUBLIC TRANSPORT
(RATES OF FARES FOR EXPRESS BUS SERVICES)
REGULATIONS 2026*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN AWAM DARAT 2010

PERATURAN-PERATURAN PENGANGKUTAN AWAM DARAT
(KADAR TAMBANG BAGI PERKHIDMATAN BAS EKSPRES) 2026

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 75(1) Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [*Akta 715*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pengangkutan Awam Darat (Kadar Tambang bagi Perkhidmatan Bas Ekspres) 2026**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Jun 2026.

Kadar tambang bagi perkhidmatan bas ekspres

2. Mana-mana orang boleh menuntut, mengutip dan memegang simpan apa-apa tambang berhubung dengan suatu perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam bagi apa-apa perkhidmatan bas ekspres yang dikategorikan sebagai bas ekspres ekonomi dan bas ekspres eksekutif di bawah Peraturan-Peraturan Pengangkutan Awam Darat (Penetapan Kategori Perkhidmatan Bas Ekspres) 2022 [*P.U. (A) 206/2022*] pada kadar sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL
[Peraturan 2]
KADAR TAMBANG BAGI PERKHIDMATAN BAS EKSPRES

(1) Butiran	(2) Perihal	(3) Kadar tambang/bagi setiap satu hala	
		Bas ekspres ekonomi	Bas ekspres eksekutif
1.	Mana-mana orang yang berumur dua tahun ke atas	Tidak melebihi RM0.093 bagi setiap kilometer	Tidak kurang daripada RM0.15 bagi setiap kilometer dan tidak melebihi RM300.00
2.	Mana-mana orang yang berumur di bawah dua tahun	Percuma	Percuma
3.	Pemegang Kad OKU yang dikeluarkan di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685] dan warga emas yang berumur enam puluh tahun ke atas	75% daripada kadar tambang yang dikenakan terhadap mana-mana orang yang berumur dua tahun ke atas dalam butiran 1	75% daripada kadar tambang yang dikenakan terhadap mana-mana orang yang berumur dua tahun ke atas dalam butiran 1

Dibuat 11 Jun 2026

[MOT.PUU.600-1/15/2 JLD. 11(S) (16); PN(PU2)692/IV]

LOKE SIEW FOOK
Menteri Pengangkutan

LAND PUBLIC TRANSPORT ACT 2010

LAND PUBLIC TRANSPORT (RATES OF FARES FOR EXPRESS BUS SERVICES)
REGULATIONS 2026

IN exercise of the powers conferred by subsection 75(1) of the Land Public Transport Act 2010 [*Act 715*], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Land Public Transport (Rates of Fares for Express Bus Services) Regulations 2026**.

(2) These Regulations come into operation on 15 June 2026.

Rates of fares for express bus services

2. Any person may demand, collect and retain such fares in relation to a public service vehicle service for any express bus service categorized as an economy express bus and executive express bus under the Land Public Transport (Prescription of Category of Express Bus Services) Regulations 2022 [*P.U. (A) 206/2022*] at the rates as specified in the Schedule.

SCHEDULE
[Regulation 2]
RATES OF FARES FOR EXPRESS BUS SERVICES

(1) Item	(2) Description	(3) Rates of fares/per one way	
		Economy express bus	Executive express bus
1.	Any person of age two years and above	Not exceeding RM0.093 per kilometre	Not less than RM0.15 per kilometre and not exceeding RM300.00
2.	Any person of age below two years	Free	Free
3.	A holder of a Kad OKU issued under the Person with Disabilities Act 2008 [Act 685] and a senior citizen of age sixty years and above	75% of the rate of fares imposed on any person of age two years and above in item 1	75% of the rate of fares imposed on any person of age two years and above in item 1

Made 11 June 2026

[MOT.BD.(S).600-2/21/1 JLD6(41); PN(PU2)692/IV]

LOKE SIEW FOOK
Minister of Transport